

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dakwah adalah berkembang dan perkembangan ini secara tidak langsung juga membawa kepada perkembangan komponen-komponen dakwah, sumbangan, cabaran-cabaran dan kumpulan sasar yang dihadapi. Dewasa ini cabaran dakwah berkembang berlipat kali ganda mengikut perkembangan dunia kerana didukung kemajuan teknologi maklumat, penyebaran informasi, pemberitaan, media komunikasi, teknologi kejuruteraan, ilmu pengetahuan, budaya dan berbagai lagi aspek dalam kehidupan manusia.

Dakwah merupakan kombinasi daripada beberapa komponen seperti pendakwah, sasaran, isi kandungan, medium, persembahan, *manhaj*, *uslūb* dan *waṣīlah*.¹ Sehubungan itu, studi dan kajian yang menyeluruh mengenai komponen-komponen dakwah adalah penting dalam mempersembahkan dakwah berkesan.

Dakwah adalah bertujuan untuk merubah dari suatu keadaan kepada keadaan yang lain.² Perubahan yang dibawa oleh dakwah adalah perubahan yang besar kerana berkait dengan tingkah laku dan tindakan manusia secara berterusan. Perubahan tersebut mempunyai relevansi bukan sahaja bagi kehidupan manusia di akhirat bahkan juga kehidupan di dunia.

Dalam hubungkait dengan Negeri Sarawak, dakwah telah menyumbang kepada perubahan seperti kenyataan di atas. Terdapat tulisan menyebut bahawa bumi Sarawak

¹ ‘Abd al-Karīm Zaidān, *Uṣūl al-Da‘wah* (Beirūt Lubnān: Al-Risālah Publisher, 2000), 5

² ‘Abd al-‘Azīz Mohd. Zin, et. al, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2006), 39

pernah menjadi kediaman manusia tanpa agama dan primitif. Namun begitu, dakwah yang dilakukan sejak sekian lama telah mengubah keadaan ini dan Sarawak menjadi bumi yang dihuni oleh kaum Muslimin.³

Perubahan inilah yang menarik perhatian penulis untuk mengenal pasti asas-asas yang menyumbang kepada perubahan ini berteraskan peta dakwah dengan memberi fokus kepada pelaku dakwah yang terbabit.

1.2 Latar belakang

Pengaruh agama Islam berkembang ke serata dunia melalui dakwah Nabi Muhammad SAW dan diteruskan oleh generasi yang hidup selepas itu. Dakwah telah memulihkan aspek ibadah, keyakinan dan akhlak manusia kepada landasan yang benar dan akhirnya bumi dimakmurkan oleh orang-orang yang beriman.

Perkembangan Islam di Alam Melayu melalui peranan dan dakwah yang dilakukan oleh saudagar dan pedagang dari Semenanjung Tanah Arab dan India. Mereka adalah pelaku dakwah atau yang disebut dengan *agent of change* membawa penduduk tempatan yang kafir menjadi pengikut agama Islam. Disamping berdakwah, para pedagang dan saudagar menunjukkan penampilan yang molek dan budi pekerti yang luhur, amanah, jujur, bertimbang rasa dan bertanggungjawab menjadikan masyarakat tempatan menyenangi mereka.⁴

Sebagaimana dakwah yang berlaku di Alam Melayu, ia juga berlaku di Sarawak. Sarawak yang pada asalnya sebuah jajahan Kesultanan Brunei mendapat sentuhan-

³ Habid's Buhigiba Bin Muhammad Bustamam, "Perkembangan Islam di Sarawak 1945-1991" (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Dan Kemasyarakatan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994/95), xiv

⁴ *Op. Cit.*, Mohd. Zin, 40

sentuhan dakwah daripada para pembesar Kesultanan Brunei.⁵ Setelah itu, langkah dakwah tersekat-sekat kerana diketepikan oleh James Brooke yang menjadi *Rajah Of Sarawak* yang juga membawa misi Kristian di Sarawak.⁶ Pola dan dasar pentadbiran James Brooke itu telah diteruskan oleh pengganti-pengganti berikutnya dari kalangan ahli keluarga beliau seperti Charles Anthony Brooke dan kemudian anaknya Charles Vyner Brooke dan keluarga ini telah menjajah Sarawak selama seratus tahun iaitu dari 1840 hingga 1940.

Usaha dakwah di Sarawak diteruskan oleh kalangan agamawan tempatan dari zaman ke zaman walaupun mereka berdepan dengan kesukaran. Usaha dakwah ini telah menjadikan orang-orang Islam mampu mengekalkan jati diri mereka sebagai Muslim walaupun terpaksa menghadapi cabaran yang hebat daripada perubahan cara hidup masyarakat ketika itu yang ala Barat dan tentangan kuat dari pentadbiran Brooke yang menghalang dakwah daripada berkembang maju.

Pada tahun 70 hingga 80-an, individu yang banyak menyumbang dalam dakwah Islam di Sarawak adalah Abdul Rahman bin Ya'kub. Tokoh ini membawa pembangunan dalam aspek agama yang dicapai pada era pentadbiran beliau. Walaupun tokoh ini bukan berkelulusan agama secara formal, tetapi beliau melibatkan diri dan menggerakkan kerja-kerja dakwah. Tokoh ini telah mengetuai mengasas dan menubuhkan sebuah organisasi dakwah untuk melebarkan lagi capaian dan pencapaian dalam dakwah di Sarawak. Selain itu, tokoh ini yang juga menjawat jawatan Ketua

⁵ Awang Hasmadi Awang Mois dan Sanib Said, ed., *Masyarakat Melayu Sarawak* (Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 1998), 31-32

⁶ Azhar Bin Ahmad, "Masyarakat Bidayuh Di Bahagian Pertama Sarawak : Satu Kajian Mengenai Proses Pengislaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Kalangan Mereka" (Latihan Ilmiah Jabatan Usuluddin Dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987/88), 22-23

Menteri Sarawak dan dengan bidang kuasa yang ada, tokoh ini mengatur langkah dan strategi untuk memperkukuhkan *survival* umat Islam dan dakwah di Sarawak.⁷

Dalam melaksana dan menggerakkan dakwah, tokoh ini berdepan dengan berbagai bentuk halangan dan cabaran. Di antara cabaran adalah dalam bentuk pengaruh dan budaya serong dari Barat yang menjadi amalan orang Islam ketika itu kerana telah dibudayakan oleh penjajah Rajah Brooke. Dalam aspek pendidikan pula, penjajah menggunakan pendekatan yang sangat halus agar tiada anak tempatan yang berpelajaran tinggi.

Menurut Fathi Duet, Kerajaan Brooke menghalang orang Melayu Islam daripada mencapai tahap pendidikan yang tinggi dengan secara halus. Penuntut Melayu Islam akan ditawarkan jawatan dan pekerjaan sebagai kakitangan kerajaan sejurus menamatkan pelajaran mereka. Oleh sebab itu, mereka tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana disibukkan dengan kerja dan akhirnya mereka menjadi selesa dengan pekerjaan yang ada dan bergantung sepenuhnya kepada Brooke dalam urusan pentadbiran negeri.⁸

Tokoh ini juga menghadapi cabaran dari aspek taburan suku bangsa atau etnik yang berbeza di Sarawak. Mereka selesa hidup tanpa agama atau mewarisi agama nenek moyang yang cenderung mempercayai unsur mistik dan syirik terhadap Allah. Selain itu, cabaran juga dalam bentuk muka bumi Sarawak yang begitu luas dan berbukit bukau sedangkan kemudahan yang ada sangat terbatas.⁹

⁷ Fathi Duet (Setiausaha Agung Ke-2 BINA) dalam temubual dengan penulis pada 24 September 2013

⁸ *Ibid.*

⁹ Abdul Rahman Fadzail (Temenggong dan Pengerusi HIKMAH Cawangan Miri), dalam temubual dengan penulis pada 14 Julai 2013

Itulah halangan dan cabaran besar yang dihadapi oleh tokoh ini dalam menggerakkan dakwah di Sarawak. Mampukah beliau melepasi cabaran-cabaran ini dan berjaya menyumbang untuk dakwah? Bagaimanakah cara beliau menyampaikan dakwah kepada kumpulan sasar yang beragam itu? Inilah persoalan-persoalan yang menjadi asas dan objektif kajian ini.

1.3 Penyataan Masalah

Tanggungjawab menyampaikan dakwah pada asalnya tugas para nabi dan rasul yang kemudian diwarisi oleh generasi berikutnya dari kalangan orang soleh. Dakwah digerakkan bagi mengajak manusia yang ingkar untuk beriman kepada Allah. Dakwah juga adalah dalam rangka menyebarkan rahmat ke seluruh alam. Setelah ketiadaan para nabi dan rasul, tugas dakwah digalas oleh setiap orang Islam tanpa mengira apa pun kedudukannya dalam masyarakat.¹⁰

Surah *Āli ‘Imrān* ayat 104 memberi ilustrasi bahawa kerja dakwah diamanahkan kepada orang Islam melalui sekelompok di antara mereka hendaklah melakukan dakwah. Seterusnya di dalam surah *al-Saff* ayat 4 pula menggambarkan kerja dakwah dilakukan melalui organisasi yang tersusun baik seperti sebuah susunan yang membentuk bangunan. Kerja dakwah adalah kerja berkelompok dan bukannya seorang diri. Penulis pasti bahawa ayat-ayat di atas menjadi inspirasi kepada tokoh ini dalam membina gerakan dakwah baru di Sarawak dengan mengasas organisasi dakwah.

¹⁰ Yūsuf al-Qaradāwī, *Thaqāfah al-Dā‘yah* (Beirūt: Mua’āsah al-Risālah, 1978), 5-6

Tokoh ini mengambil langkah menggalas tanggungjawab dakwah ini dan melakukannya dengan gigih dan secara bijaksana supaya dapat mencapai hasil yang baik. Tokoh ini mempelajari pengalaman dari sejarah yang berlaku mengenai muslihat jahat penjajah dan nasib agama Islam dan umatnya tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tetapi sebaliknya mesti dirubah.

Tokoh ini menggariskan berbagai langkah dan strategi seperti menubuhkan sebuah organisasi yang akan digunakan sebagai jentera dakwah. Langkah ini telah membawa kepada pengislaman beramai-ramai golongan non-Muslim dari etnik seperti Iban, Bidayah, Cina, Melanau, Kelabit, Penan, Kenyah berlaku melalui dakwah yang digerakkan oleh tokoh ini.¹¹

Sejauh manakah kebenaran catatan ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh tokoh ini yang menjadi sumbangan besar dalam dakwah di Sarawak, perlu diketengahkan. Oleh itu kajian ini cuba mengenali sumbangan tersebut berdasarkan objektif-objektif berikut.

1.4 Objektif

Menerusi kajian ini penulis menggariskan dua objektif untuk dicapai dan mengungkap berkenaan sumbangan dakwah serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti berikut ;

1. Mengenal pasti profil eksklusif Abdul Rahman bin Ya'kub sebagai penyumbang kepada kerja dakwah di Sarawak

¹¹ Jawatankuasa Penyelidikan Sejarah Penerbitan dan Penerangan Perayaan 10 Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (B.I.N.A), *Sepuluh Tahun BINA 1969-1979* (Singapore: Koon Wah Lithographer, t.t.), 35-37

2. Mengenal pasti sumbangan dakwah tokoh ini dalam gerakan dakwah di Sarawak dan landasan menginstitusikan dakwah melalui Organisasi BINA.

1.5 Skop Kajian:

Skop kajian adalah sumbangan tokoh ini dalam dakwah di Sarawak dan penulis membahaginya kepada dua bahagian. Yang pertama adalah kajian terhadap latar-belakang tokoh ini dengan menelusuri profil eksklusif beliau sebagai subjek kajian. Bahagian kedua adalah berkenaan sumbangan tokoh ini dalam dakwah di Sarawak yang membawa kepada penginstitusian dakwah dalam rangka meluaskan capaian dan jangkauan dakwah yang lebih besar. Secara khusus kajian ini dibataskan pada perkara-perkara berikut ;

1. *Bidang Kajian:* Kajian ini meneliti sumbangan dakwah oleh tokoh ini.
2. *Subjek Kajian:* Kajian ini membataskan skop kajian kepada dua iaitu profil eksklusif tokoh ini dan sumbangan beliau dalam dakwah di Sarawak. Terdapat sumbangan yang paling utama oleh tokoh ini yang akan dimuatkan penulis dalam kajian ini.
3. *Lokaliti Kajian:* Kajian ini menghadkan rangkuman lokaliti Negeri Sarawak sahaja.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, penulis menghasratkan hasil kajian ini dapat meningkatkan lagi koleksi *kutub khanah* karya ilmiah terutamanya dalam bidang sumbangan dakwah. Kajian ini juga mempunyai nilai tambah kepada penulis kerana meluaskan pengetahuan serta penguasaan dalam bidang sains kemasyarakatan yang berkembang

dari zaman ke zaman. Secara khususnya, penulis berpendapat kajian ini amat penting dan signifikan berdasarkan pertimbangan berikut:

1.6.1 Kajian ini akan mengenalpasti tokoh ini dengan lebih dekat menerusi profil eksklusif beliau. Walaupun tokoh ini mempunyai kelulusan sekular tetapi beliau tidak memandang ringan aspek agama dan umat Islam bahkan mengambil bahagian dengan aktif sekali dalam dakwah di Sarawak. Apakah yang menjadi pendorong kepada tokoh ini melibatkan diri dalam dakwah sedangkan tugas itu bukanlah tanggungjawab hakiki beliau? Inilah kepentingan kajian ini untuk memerihalkan perkara tersebut supaya dapat diketahui oleh umum mengenainya dan menjadi panduan. memperkenalkan tokoh ini dengan lebih mendalam menerusi profil eksklusif beliau sebagai penyumbang dalam dakwah di Sarawak. Umumnya, masyarakat Sarawak mengenali tokoh ini sebagai seorang politikus di atas kejayaan dalam dunia politik. Namun begitu, tokoh ini juga membawa pembangunan dan kemajuan aspek dakwah dan umat Islam di Sarawak.

1.6.2 Kajian ini akan meninjau tentang sumbangan tokoh ini dalam dakwah di Sarawak terutama dakwah kepada golongan non-Muslim di kawasan pedalaman. Fakta mendapati berlaku pengIslaman terhadap golongan ini dalam jumlah yang besar dan menunjukkan konsistensi dalam tempoh waktu yang panjang. Kenapa perlu berdakwah kepada golongan non-Muslim ini sedangkan keadaan umat Islam sendiri begitu parah dengan budaya hidup ala Barat? Bukankan beliau telah mencapai prestasi yang maksima apabila

berjaya menjadi Ketua Menteri Sarawak? Sudah pasti ada alasan yang besar menurut tokoh ini dalam langkah-langkah yang telah diambil oleh beliau.

1.6.3 Kajian ini juga akan cuba mengupas sumbangan yang paling utama oleh tokoh ini dalam dakwah di Sarawak. Sumbangan ini telah membantu melebarkan capaian dan pencapaian dakwah dan sumbangan ini juga menjadi dimensi gerakan dakwah menjadi lebih dinamik dan berwibawa. Sekiranya dilihat dari sejarah dakwah Sarawak sememangnya telah ada pihak yang melakukan usaha mengembangkan agama Islam sebelum beliau. Kajian ini akan menjelaskan strategi yang diambil oleh tokoh ini yang membawa kepada kejayaan dakwah beliau.

1.7 Definisi tajuk

Sumbangan : Sesuatu yang diberikan sebagai bantuan, pemberian sebagai bantuan, bantuan, sokongan.¹² Apa-apa yang diberikan sebagai bantuan atau sebagai sokongan.¹³

Abdul Rahman Ya'kub: Dilahirkan di Kampung Jepak Bintulu pada tahun 1928. Beliau adalah mantan presiden BINA dan mantan Ketua Menteri Sarawak dari tahun 1970 hingga 1981. Beliau mengetuai kerja dakwah di Sarawak terutamanya bersama organisasi dakwah yang ditubuhkan pada tahun 1968. Sumbangan beliau dalam kerja dakwah di Sarawak adalah sebuah fakta dan dijadikan perkara utama kajian ini. Tokoh ini meninggal dunia pada 10 Januari 2015 di Kucing.

¹² *Kamus Am*, (Kuala Lumpur: Crescent Nawa (K.L.) Sdn. Bhd., 1997), 1028, entri “sumbangan”

¹³ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/>, dicapai 11 Jun 2014

Dakwah: Penyebaran agama Islam.¹⁴ Dakwah Islamiyyah sebagai panggilan ke jalan Allah.¹⁵

Sarawak : Adalah sebuah negeri yang terdapat di Pulau Borneo bersebelahan dengan Sabah dan Brunei di utara dan Indonesia yang memanjang ke seluruh tanah Sarawak di bahagian selatan. Secara geografinya keluasan muka bumi Sarawak adalah 124,449.5 kilometer persegi.¹⁶ Sarawak mempunyai penduduk seramai 2,471,140 orang dengan pecahan mengikut etnik 713,421 Iban, 577,646 Cina, 568,113 Melayu, 198,473 Bidayuh, 123,410 Melanau, 7,411 India, 156,436 Bumiputera lain 9,138 lain-lain dan 117,092 bukan warganegara.¹⁷ Dari segi bentuk muka bumi, Sarawak adalah negeri yang bergunung ganang yang masih diliputi oleh hutan tebal. Terdapat sungai-sungai yang menjadi penghubung penting kawasan-kawasan utama di Sarawak seperti Sungai Baram, Sungai Batang Lupar, Sungai Sarawak, Sungai Sadong, Sungai Simunjan, Sungai Belawei dan Sungai Rajang yang merupakan terpanjang di Malaysia.


Rajah 1.1: Taburan penduduk Negeri Sarawak mengikut etnik.

¹⁴ *Ibid.*, dicapai 11 Jun 2014

¹⁵ *Op.Cit*, Zaidān (1982), *Dasar-dasar Ilmu Da'wah (1)*, terj. H.M. Asywadi Syukri LC, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, h. 1. Pemahaman ini dikaitkan dengan maksud ayat al-Qur'an, iaitu: "Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata". Surah Yusuf, ayat 108.

¹⁶ Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2012, (Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak, 2012), 1

¹⁷ *Ibid.*, 10-11



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak, Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2012

1.8 Kajian Lepas

Perbincangan pada kajian lepas ini akan menyentuh mengenai 4 fokus yang terdiri daripada profil eksklusif subjek kajian, penglibatan subjek kajian dalam bidang politik, sejarah Sarawak dan perkembangan Islam di Sarawak. Keempat-empat fokus ini boleh dihuraikan sebagaimana berikut:

Dalam fokus pertama yang mengaitkan profil subjek kajian boleh dirujuk dalam 2 tulisan utama iaitu H.M Tuah Iskandar (1999), *Abdul Rahman Ya'kub Kancil Sarawak*, merupakan sebuah biografi tokoh ini yang menceritakan sejarah beliau dari kecil sehingga menjadi Ketua Menteri Sarawak pada tahun 1970. Buku ini memaparkan kecekalan tokoh ini dalam menuntut ilmu pengetahuan walaupun dibelenggu oleh kemiskinan keluarga dan dihimpit kesengsaraan hidup. Selain itu halangan yang dihadapi oleh beliau dalam perjuangannya untuk belajar sangat mencabar seperti suasana tegang semasa kemasukan Tentera Jepun di Sarawak yang

memberi tekanan kepada penduduk setempat terpaksa berpindah randah bagi menyelamatkan diri dari keganasan tentera Jepun. Selain itu dan terdapat juga unsur pelecehan terhadap hak beliau untuk mendapat peluang belajar oleh orang Islam sendiri yang tidak senang dengan beliau.

Cabaran yang dialami oleh beliau berterusan semasa beliau menuntut di London dalam bentuk penyakit apendik yang serius, *migrane*, penyakit rindu kepada keluarga, tetapi segalanya dapat diatasi dengan bantuan Allah dan usaha beliau yang gigih.¹⁸

Karia Bin Haji Rahmat dalam Kertas Projek jabatan Usuluddin Universiti Malaya tahun 1994, “Pemerintahan Negeri Sarawak Zaman Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya’kub: Satu Analisa Dari Perspektif Islam”, memfokuskan pentadbiran yang diterapkan oleh tokoh ini yang berciri dan berasaskan Islam. Tulisan ini juga memaparkan riwayat ringkas beliau, kerjaya politik dan kejayaan dasar pentadbiran yang beliau terapkan di Sarawak sehingga mencapai kejayaan. Beliau telah berjaya memujuk dan mengadakan perjanjian dengan ketua sayap militer komunis Sarawak iaitu Bong Kee Chok dengan Perjanjian Seri Aman yang telah membawa kepada penyerahan diri seramai 482 orang anggota penganas komunis pada tahun 1974 dan kemudian menamatkan perjuangan komunis di Sarawak. Tokoh ini juga berjaya meredakan keadaan tegang di antara parti-parti politik dan menyatupadukan etnik-etnik di Sarawak. Walaupun tidak sempurna, kejayaan ini boleh dianggap sebagai besar dalam kancah politik dan perpaduan negeri Sarawak.

¹⁸ Abdul Rahman Ya’kub (Mantan Ketua Menteri, mantan TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Mantan Presiden BINA), dalam temubual dengan penulis pada 6 Julai 2011

Penulis merangkumkan aspek profil eksklusif subjek kajian di dalam bab yang ketiga. Dengan rangkuman ini, penulis dapat mengetengahkan perihal subjek kajian dengan terperinci dalam membina gambaran mengenai tokoh ini yang mempunyai sifat-sifat yang tinggi bagi melakar kejayaan di Sarawak.

Dalam memerihalkan penglibatan subjek kajian dalam aspek politik, dapat dilihat melalui tulisan Suhaimi Mokhtar (1981), *Putera Kenyalang Satu Dekad Penuh Cabaran*, menceritakan pencapaian tokoh ini sebagai Ketua Menteri Sarawak yang ketiga bermula pada 7 Julai 1970 hingga tahun 1981. Buku ini bukan sahaja memaparkan penglibatan beliau dalam politik, malah dalam aspek keselamatan, pendidikan, pembangunan ekonomi, pembangunan spiritual dan sebagainya. Tokoh ini telah mencurahkan khidmat bersama kerajaan pusat selama tujuh tahun dan pengalaman ini amat membantu beliau dalam mentadbir negeri Sarawak sebagai Ketua Menteri. Disamping itu hubungan yang baik tokoh ini dengan kerajaan pusat pula melicinkan usaha pembangunan di Sarawak dan peruntukan disalur dengan lancar dan besar. Sebelum itu, hubungan Sarawak dengan Kerajaan Pusat tidak harmoni di bawah prntadbiran dua ketua menteri sebelum tokoh ini.

Begitu juga dengan tulisan James Ritchie (1987), *Sarawak Kemenangan Bermaruah*, memaparkan berkenaan konflik dalam politik yang berlaku di Sarawak pada tahun 1987. Konflik ini telah menyebabkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak dibubarkan lebih awal untuk diserahkan kepada rakyat Negeri Sarawak bagi menentukan kerajaan baru yang akan memerintah. Ketua Menteri ketika itu, iaitu Abdul Taib Mahmud menghadapi cubaan sebuah komplot untuk menjatuhkan beliau oleh empat orang menteri serta beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

yang lain. Komplot berkenaan diketuai oleh tokoh ini yang merupakan bapa saudaranya sendiri. Konflik ini juga dikenali dengan nama *Ming Court* merujuk kepada sebuah hotel di Kuala Lumpur yang dijadikan pusat gerakan komplot tersebut.

Konflik itu berakhir pada tarikh 15-16 April 1987 dengan pilihanraya DUN dan akhirnya Abdul Taib Mahmud mendapat kemenangan besar dan menjawat jawatan Ketua Menteri Sarawak buat kali ketiga berturut-turut. Dalam pilihanraya tersebut juga menyaksikan Abdul Rahman Ya'kub kalah oleh lawannya dari parti kerajaan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Matu Daro.

Aspek ini juga dimuatkan di dalam bab ketiga kajian sebagai aspek yang berhubung kait dengan subjek kajian. Melalui paparan ini memperlihatkan ketulenan tokoh ini dalam bidang politik.

Aspek yang ketiga iaitu pra merdeka Sarawak dipaparkan oleh Muhammad Rakawi Yusuf (1890-1936), *Hikayat Sarawak* ditransliterasikan dengan pengenalan oleh Nordi Ahcie, memaparkan sejarah Negeri Sarawak semasa di bawah naungan Kesultanan Brunei. Buku ini juga menyentuh etnik-etnik asal yang mendiami pulau Borneo dan pekerjaan mereka yang disifatkan oleh James Brooke sebagai lanun, perompak dan berunsurkan kanibalisme. Buku ini merupakan kritikan secara halus penulis terhadap buku *History Of Sarawak*. *History Of Sarawak* ditulis dua orang penulis Barat yang diupah oleh James Brooke dan gambaran mereka terhadap Sarawak dan penduduk pulau Borneo adalah tidak objektif tetapi sebaliknya negatif berdasarkan pengalaman peribadi James Brooke sendiri dan juga atas kepentingan tertentu. Namun begitu, menurut Rakawi, gambaran tersebut tidaklah sepenuhnya

tepat kerana sebagai pendatang, maklumat yang diperolehi oleh James Brooke bukannya maklumat yang komprehensif dan sudah tentu mempunyai motif tertentu.

Mohammad Hasbie Sualaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, memaparkan perjuangan tokoh-tokoh Melayu seperti Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datuk Bandar Kassim,¹⁹ Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim,²⁰ Encik Mohd. Rakawi Yusuf,²¹ Rosli Dhobie²² dan banyak lagi nama-nama lain yang menentang penyerahan Negeri Sarawak kepada Kolonial Inggeris oleh keluarga Brooke. Pergerakan dan perjuangan mereka dibawah payung pertubuhan yang dinamakan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS). Dari kalangan wanita yang turut terlibat dalam PKMS adalah seperti Pn. Lily Eberweine,²³ Datuk Ajibah Abol,²⁴ dan Datuk Hafsa Haji Harun.²⁵

¹⁹ Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datuk Bandar Kassim, D.P., D.S.B., D.B., D.M., C.S.S., keturunan Raja Jarum dari Jawa, pemimpin perjuangan *Anti-Cession* yang berwibawa dan gigih hingga ke akhir hayatnya.

²⁰ Berasal dari Perlembang Sumatera, Beliau bersama dengan Encik Mohd. Rakawi Yusuf dan Encik Johari Anang telah mengasaskan penerbitan FAJAR SARAWAK dalam awal tahun 1930. Beliau dikenali sebagai seorang ahli usahawan Melayu yang disegani. Beliau adalah pemilik Sarawak Printing Company dan menerbitkan buku-buku Encik Mohd. Rakawi Yusuf seperti *Hikayat Sarawak* dan novel *Melati Sarawak*. Selepas kematian Encik Rakawi Yusuf, beliau menyambung usaha sehingga tertubuhnya PKMS pada 10 Oktober 1939.

²¹ Pengasas Persatuan Kekangsaan Melayu Sarawak (PKMS) pada tahun 1939. Pengarang novel *Melati Sarawak* dan *Hikayat Sarawak*. Beliau juga pengasas akhbar pertama iaitu FAJAR SARAWAK dan menjawat Kounselor bagi Majlis Perbandaran Kuching tahun 1934-1936.

²² Pemuda yang telah membunuh Duncan Stewart, Gabenor Inggeris Kedua. Beliau adalah ahli Kumpulan Rukun 13 P.P.M di Sibu yang menentang penyerahan Sarawak kepada Inggeris. Beliau ditangkap pada bulan Disember 1949 di Sibu dan seterusnya menjalani hukuman mati.

²³ Individu yang memimpin Kaum Ibu PKMS dilahirkan pada 11 Julai 1900. Berkhidmat di pejabat Telekom pada tahun 1927-1929. Kemudian menjadi Guru Besar di Sekolah Perempuan Permaisuri. Pada 1 Julai 1947 beliau meletak jawatan dan bergiat dalam gerakan *Anti-Cession* dan berkhidmat dalam PKMS hingga akhir hayatnya pada 1 April 1980.

²⁴ Lahir pada tahun 1921 merupakan pemimpin kaum wanita PKMS yang sangat dedikasi. Beliau berperanan penting dalam penubuhan parti BERJASA pada tahun 1961. Pernah menang dalam pilihanraya dan juga pernah menjawat Menteri Kebajikan Am Negeri Sarawak. Beliau meninggal dunia pada tahun 1976. Beliau adalah pemimpin *Anti-Cession* paling berani.

²⁵ Beliau meneruskan perjuangan PKMS dalam sayap wanita. Beliau menggantikan YB Ajibah Abol sebagai Ketua Kaum Ibu PKMS dan Menteri Kebajikan Am Negeri Sarawak. Beliau juga pernah menjawat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak.

Walaupun perjuangan PKMS adalah berasaskan semangat Melayu atau kebangsaan, namun mereka sentiasa berdamping dengan para ulama yang ada ketika itu seperti Datuk Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Nuruddin (1877-1939) dan Imam Haji Daud Abdul Ghani. Para ulama ini sentiasa memberi bimbingan dan panduan kepada pejuang PKMS. Daripada apa yang ditunjukkan oleh para pejuang PKMS bahawa mereka memiliki kefahaman agama yang baik sentiasa komited dengan penampilan bersongkok atau berkopiah bagi lelaki dan kaum wanitanya memakai tudung kepala.²⁶

Md. Amin Haji Abdul Rahman (2003), “Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak Sebelum Merdeka”, dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain *et al* (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), menyentuh tentang peranan Kerajaan Islam Brunei dalam penyebaran Islam di Sarawak sebelum Merdeka dalam Malaysia 1963. Tulisan ini juga menyentuh cabaran yang dihadapi oleh ulama Islam dalam menyebarkan dakwah yang datangnya dari Gabenor-gabenor Inggeris yang berkuasa ketika itu.

Zulkiple Abdul Ghani dan Juanda Jaya (2003), “Peranan Tokoh Agama Dalam Mengorganisasikan Dakwah di Sarawak Sebelum Merdeka”, dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain *et al* (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), memaparkan perjuangan dan penentangan oleh kalangan ulama, masyarakat

²⁶ Azhar Ahmad, “Masyarakat Bidayuh Di Bahagian Pertama Sarawak: Satu Kajian Mengenai Proses Pengislaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Kalangan Mereka” (Latihan Ilmiah Jabatan Usuluddin Dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987/88), 100

peribumi dan awam terhadap pemerintahan Keluarga Brooke melibatkan pertumpahan darah. Kemudian dibentangkan juga beberapa organisasi awal yang ditubuh oleh masyarakat ketika itu walaupun maklumat tentang organisasi dan mereka yang terlibat tidak dapat disahkan dengan pasti. Pertubuhan seperti Pertubuhan Darul Ihsan ditubuhkan pada tahun 1914 dan Pertubuhan Darul Ikhwan tahun 1915. Kemudian pertubuhan-pertubuhan yang lain juga ditubuhkan seperti Majlis Islam Sarawak (MIS), Madrasah al-Murshidiyah, PERKIS 9 Disember 1957, BINA 1968.

Muda @ Abdul Rahman dan Farah Salwani Ismail (2003), “Peranan Ulama Sarawak dalam Pembangunan Pendidikan Islam di Sarawak”, dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain *et al* (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), menyentuh peranan para ulama dalam perkembangan pendidikan di Sarawak. Tokoh seperti Hakim Keramat adalah individu yang bertanggungjawab pada peringkat awal dakwah di Sarawak. Beliau mempunyai anak-anak yang juga merupakan ulama dan banyak membantu beliau dalam memberi sumbangan dalam dakwah dan pendidikan di Sarawak. Tulisan ini juga memaparkan peranan Abang Morshidi (1877-1939) dalam penubuhan al-Madrasah al-Murshidiyah, Jalan Gambir Kuching (tahun 1917). Beliau juga terlibat dalam penubuhan Sekolah Kajang untuk pelajar-pelajar perempuan bersama-sama dengan Abang Abdilah dan Abang Bolhasan Daud. Abang Morshidi juga terlibat dalam penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS).

Dengan paparan aspek pra merdeka menampakkan keadaan Negeri Sarawak yang dipengaruhi oleh budaya Barat dan keadaan umat Islam yang bangun menentang penjajah. Aspek ini dimuatkan penulis dalam bab keempat.

Seterusnya pasca merdeka dalam memerihalkan perkembangan agama Islam penulis merujuk kepada tulisan-tulisan seperti Putit Matzen (2003), “Perkembangan Islam di Sarawak dan Majlis Islam Sarawak”, membincangkan tentang Islam semasa jajahan Kerajaan Brunei kemudian saingan daripada James Brooke yang berhasrat menubuhkan *Church Of England* yang melaksanakan berbagai dakwah, menggubal undang-undang masyarakat Islam, melantik orang Islam dalam jawatan pentadbiran semata-mata untuk membujuk mereka agar tidak memberontak. Kemudian dijelaskan perkembangan Islam menerusi tiga period.

Period pertama adalah dari tahun 1963 hingga tahun 1970 yang menggambarkan perkembangan biasa seperti pembangunan masjid dan surau melalui geran Kerajaan Persekutuan. Fasa kedua ialah antara tahun 1970 dan 1981 iaitu fasa tokoh ini menjadi Ketua Menteri Sarawak. Pada peringkat awal, tokoh ini tidak banyak melakukan perubahan kerana fokus utama adalah melawan ancaman perjuangan komunis. Pada tahun 1975, perubahan terjadi dalam struktur Majlis Islam Sarawak apabila kerajaan memberi fokus utama pembangunan setelah ancaman komunis semakin reda. Pertambahan kakitangan dari lapan orang menjadi 14 orang dan sehingga tahun 1981 bertambah seramai 102 orang. Dari segi peruntukan kewangan bertambah dari 40,000.00 ringgit kepada 235,400.00 ringgit.

Usaha dakwah bertambah kuat apabila organisasi bukan kerajaan iaitu Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) pimpinan tokoh ini, ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1969. Kemudian BINA dikenali dengan Harakah Islamiyah (HIKMAH) dan menjadi nadi utama pergerakan dakwah negeri Sarawak.

Fasa ketiga pula adalah pada tahun 1981 dan sehingga sekarang. Seterusnya diterangkan juga penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS) yang berperanan mengurus hal ehwal orang Islam hingga ke sekarang. Dalam tulisan ini juga ada menyebut peranan BINA/HIKMAH dalam dakwah kepada golongan non-muslim secara umum.

Kipli Haji Yassin dalam desertasi sarjana beliau tahun 2005 yang berjudul “Datuk Haji Abdul Kadir Hassan: Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam di Kuching, Sarawak”, menyentuh bagaimana usaha yang dilakukan oleh Datu Mufti Abdul Kadir Hassan dalam perkembangan Islam di Kuching. Selain itu beliau juga menyentuh penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS) dan pengurusan kutipan zakat dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) yang sekarang mengendalikan kutipan zakat di Negeri Sarawak dengan imej serta pengurusan koperat.

Berdasarkan ulasan-ulasan karya lepas mengenai subjek kajian, penulis mendapati bahawa belum ada kajian dalam aspek sumbangan dakwah oleh tokoh ini di Sarawak. Di atas rasional ini, penulis akan melakukan penerokaan secara menyeluruh aspek sumbangan dakwah oleh beliau.

1.9 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini adalah kajian deskriptif²⁷ iaitu sebuah huraian dan memberikan gambaran yang berlaku melibatkan subjek kajian. Bagi mendapatkan dan menganalisa data, penulis menggunakan dua kaedah utama iaitu pengumpulan dan

²⁷ *Op. Cit, Kamus Am*, entri “deskriptif”, 234

penganalisaan data melalui tinjauan keperpustakaan daripada tulisan-tulisan seperti buku, jurnal, tesis, majalah, laman sesawang dan sumber-sumber lain yang berkaitan. Data juga diperolehi melalui sesi temubual dengan subjek kajian dan mereka yang dekat serta mengenali beliau dalam rangka mendapatkan fakta yang berkaitan dengan kajian. Bagi menganalisa data pula penulis menggunakan metode-metode berikut;

1.9.1 Metode Induktif

Dalam kajian ini penulis menggunakan metode induktif dengan memecahkan masalah kajian secara terperinci sepanjang kajian. Pada peringkat awal, masalah kajian tidak begitu jelas tetapi menjadi semakin jelas pada akhir kajian.²⁸ Dalam memerihalkan sumbangan tokoh ini, penulis mengangkat data-data yang khusus seperti latar belakang, pendidikan, kerjaya dan politik tokoh ini dan menghubungkannya dengan sumbangan dakwah beliau. Akhir sekali sumbangan dakwah tokoh ini menjadi panduan umum dalam gerakan dakwah pada masa akan datang.

1.9.2 Metode Deduktif

Bagi merungkai dan menghasilkan asas kajian, penulis menggunakan metode deduktif. Konsep-konsep, teori, dan metode umum dakwah dijadikan elemen-elemen bagi membina teori kajian.²⁹ Bagi tujuan itu, penulis merujuk tulisan tokoh-tokoh dakwah dan pendapat mereka tentang dakwah dan digabung jalin bagi menghasilkan dan memperkukuhkan teori kajian.

²⁸ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 23

²⁹ *Ibid*

1.9.3 Metode Historis

Kajian historis atau sejarah adalah untuk bertujuan menjelas atau menjelaskan kembali suatu peristiwa sejarah dari sudut tertentu.³⁰ Penulis menggunakan metode ini terutama sekali dalam membincangkan sejarah dan perkembangan Islam di Sarawak sejak dari zaman Kesultanan Brunei, Pemerintahan James Brooke dan pasca merdeka. Daripada susur galur sejarah tersebut maka, terbentang dengan luas kesinambungan sejarah dan perkembangan dakwah yang berlaku di Sarawak.

1.9.4 Metode Komparatif

Kajian komparatif atau perbandingan adalah untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara dua entiti atau lebih bagi mencapai sesuatu tujuan dan maksud.³¹ Metode ini digunakan penulis dalam mengungkapkan perbandingan-perbandingan perkembangan dakwah di Sarawak dari zaman-zaman yang telah disebutkan di atas. Sememangnya terdapat beberapa perbandingan yang perlu diketengahkan dalam kajian ini dan ianya berkait rapat dengan peredaran masa dan perkembangan ilmu pengetahuan manusia.

1.10 Penutup

Melalui kajian ini, penulis berharap dapat mengungkap sumbangan-sumbangan tokoh ini dalam dakwah di Sarawak. Dengan cara ini penulis merakamkan sebuah penghargaan kepada tokoh ini kerana setiap sumbangan itu adalah sejarah dalam dakwah di Sarawak yang perlu diketahui umum.

³⁰ *Ibid.*, 27

³¹ *Ibid.*, 30